

Malaysia, Russia tubuh suruhanjaya bersama

BH : Rabu 20/6/2007

Mustapa Omar
Moscow, Russia




MALAYSIA dan Russia ber-setuju menubuhkan sebuah suruhanjaya bersama bagi mempercepat lagi pelaksanaan pelbagai program yang dipersetujui sebelum ini, sama ada pada peringkat pemimpin atau menteri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata suruhanjaya yang berperanan sebagai pemangkin kepada keputusan yang dicapai oleh kedua-dua kerajaan itu, akan mengadakan pertemuan sekali setahun di Malaysia dan Russia secara bergilir-gilir.

"Kita juga sudah mencapai kata sepakat untuk menandatangani beberapa perjanjian membabitkan langkah jaminan pelaburan, mengemukakan cukai berganda dan perlindungan harta-intelek," katanya pada sidang akhbar bersama Presiden Vladimir Putin, di sini semalam.

Abdullah yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Russia - kunjungan pertama beliau ke negara ini sejak menjadi Perdana Menteri pada 2003, sebelum itu mengadakan pertemuan empat mata dengan Putin, diikuti mesyuarat delegasi yang disertai menteri dan pegawai kanan kerajaan kedua-dua negara, sebelum mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya, Mikhail Fradkov.

Perdana Menteri berkata, pada keseluruhannya beliau berpuas hati dengan hasil perbincangan empat mata dengan Putin dan juga peringkat



Hubungan diplomatik KL, Moscow produktif

DARI MUKA 1

menteri, berdasarkan pelbagai idea yang dikemukakan bukan saja membabitkan kerjasama sedia ada, malah membuka pelbagai peluang dalam bidang baru.

"Hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara yang sudah terjalin selama 40 tahun ternyata begitu produktif, dengan perkembangan kerjasama yang begitu ketara dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan, khususnya kerjasama di bidang teknologi, sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Ia termasuk persetujuan Kerajaan Russia membenarkan angkasawan Malaysia turut sama menyertai misi penyelidikan angkasa lepasnya, di samping lebih banyak kerjasama dalam industri minyak dan gas seperti usaha sama antara Petronas dan syarikat minyak Russia, Rosneft," katanya.

Abdullah berkata, beliau juga turut mencadangkan supaya atlet Malaysia mendapatkan latihan di Russia dalam sukan tertentu, selain kerjasama membangunkan bidang perubatan sukan kerana negara berkenaan sememangnya terkenal dan mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan.

Turut sama dalam mesyuarat delegasi ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainudin Maidin.

Sementara itu, Putin pula berkata beliau dan Abdullah turut berbincang mengenai kemungkinan meluaskan lagi dialog mengenai peradaban dan agama, termasuk dalam konteks Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Malaysia adalah rakan dagang terbesar Russia di kalangan negara Asean dan kami berharap dapat meningkatkan lagi jumlah dagangan yang kini mencecah AS\$1.1 bilion (RM3.85 bilion) melalui perdagangan dua hala yang lebih kukuh," katanya.

Putin juga berharap lebih ramai pelajar Malaysia melanjutkan pengajian di Russia.

Dalam perkembangan lain, ketika berucap pada majlis jamuan negara, di sini, malam tadi, Abdullah berkata Malaysia dan Russia perlu meneroka lebih jauh daripada sekadar pertukaran barangan tradisional, dengan memberi tumpuan kepada sektor perkhidmatan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia diiktiraf pada peringkat antarabangsa sebagai pembekal terbaik perkhidmatan khusus seperti perbankan Islam, pengurusan lapangan terbang dan pelabuhan, pengangkutan persidangan dan acara.

Abdullah berkata, kedua-dua negara juga perlu menceburi kerjasama dalam bidang baru seperti penyelidikan angkasa lepas dan teknologi maklumat.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga mengiktiraf peranan penting Russia dalam mencari penyelesaian konflik di Asia Barat.

Sementara itu, bercakap kepada wartawan Malaysia kemudian, Abdullah berkata Presiden Palestin, Mahmoud Abbas menghubungi beliau semalam dan menyatakan kesungguhannya menstabilkan suasana tegang di Palestin.

"Saya memberitahunya adalah lebih baik jika kumpulan Fatah dapat berunding dengan Hamas, tetapi Mahmoud bagaimanapun mengakui usaha berkenaan bukanlah sesuatu yang mudah," katanya ketika diminta mengulas keputusan kuartet empat anggota menarik balik sekatan dan meneruskan bantuan kepada Palestin.

PERDANA MENTERI MALAYSIA
DAN
PRESIDEN PALESTIN